



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN KE ATAS
PEMEGANG UNIT TABUNG UNIT AMANAH**

KETETAPAN UMUM NO. 5/2013

TARIKH KELUARAN: 23 MEI 2013



**PENCUKAIAN KE ATAS
PEMEGANG UNIT
TABUNG UNIT AMANAH**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 5/2013
Tarikh Keluaran: 23 Mei 2013**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 23 Mei 2013

Edisi pertama pada 23 Mei 2013

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Interpretasi	1
4. Pencukaian Ke Atas Pemegang Unit	1
5. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan	3
6. Glosari	3

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. **Objektif**

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas pemegang unit yang menerima agihan pendapatan daripada tabung unit amanah.

2. **Peruntukan Berkaitan**

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah seksyen 2, 7, 8, 20, 21A, 61, 110, subseksyen 4(c), Bahagian 1 Jadual 1, perenggan 28, 35 dan 35A Jadual 6.

3. **Interpretasi**

Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Individu" bermaksud orang biasa.
- 3.2 "Ketua Pengarah (KP)" bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia.
- 3.3 "Orang" termasuk sebuah syarikat, badan orang, sebuah perkongsian liabiliti terhad dan badan korporat.
- 3.4 "Suruhanjaya Sekuriti" bermaksud Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498].

4. **Pencukaian Ke Atas Pemegang Unit**

- (a) Agihan dikenakan cukai

Pemegang unit adalah dikenakan cukai ke atas jumlah agihan yang diterima oleh mereka daripada tabung unit amanah dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran.

Pemegang unit menerima agihan selepas tolakan cukai. Kredit cukai yang berkaitan iaitu cukai yang dikenakan ke atas tabung dan berkaitan dengan pendapatan yang diagihkan boleh dituntut oleh pemegang unit sebagai pelepasan mengikut subseksyen 110(9A) ACP 1967.

- (b) Agihan tidak dikenakan cukai dan dikecualikan

Pendapatan berikut dikecualikan cukai di tangan pemegang unit:

- (i) pendapatan faedah tertentu dan pendapatan daripada sumber asing yang dikecualikan cukai di peringkat unit amanah. Pemegang unit yang menerima agihan pendapatan dikecualikan cukai tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan,

- (ii) pelupusan pelaburan oleh tabung unit amanah tidak tertakluk kepada cukai. Agihan keuntungan daripada pelupusan tersebut adalah dikecualikan cukai di tangan pemegang unit,
- (iii) keuntungan yang direalisasikan oleh pemegang unit (selain daripada peniaga sekuriti atau institusi kewangan kerana keuntungan daripada perniagaan tersebut akan dianggap sebagai pendapatan perniagaan biasa) atas penjualan atau penebusan unit amanah, dan
- (iv) terbitan unit bonus sama ada -
 - mewakili pemegang unit dan bahagian pelaburan sedia ada bertambah kepada bilangan unit yang lebih banyak, atau
 - mengagihkan keuntungan yang belum direalisasi sebagai unit tambahan.

Walau bagaimanapun, jika terbitan unit bonus merupakan agihan pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan oleh unit amanah, unit-unit ini akan tertakluk kepada cukai.

(c) Kadar cukai dikenakan

Cukai yang dikenakan bergantung kepada taraf mastautin pemegang unit dan kategori pemegang unit iaitu sama ada mereka adalah individu, syarikat, bukan syarikat atau badan amanah. Kadar yang dikenakan adalah seperti berikut:

Pemegang Unit	Kadar Cukai
Syarikat dan syarikat tidak bermastautin	25% (kadar semasa)
Individu bermastautin dan lain-lain (seperti koperasi, pertubuhan dan persatuan)	Kadar berskala
Individu bukan bermastautin dan lain-lain (seperti koperasi, pertubuhan dan persatuan)	26% (kadar semasa)

(d) Bukan pemastautin

Pemegang unit tidak bermastautin tidak tertakluk kepada cukai pegangan atas agihan pendapatan daripada unit amanah.

- (e) Pendapatan tidak diagihkan

Pemegang unit tidak dikenakan cukai atas pendapatan atau keuntungan tabung yang tidak diagihkan.

- (f) Contoh berikut menunjukkan pengiraan cukai kena dibayar oleh pemegang unit:

Contoh 1

Adam, seorang pesara, tinggal di Malaysia dengan isterinya. Beliau telah melabur sebanyak RM100,000 dalam tabung unit amanah. Bagi tahun taksiran 2012, beliau menerima agihan pendapatan bercukai sebanyak 6% daripada tabung unit amanah. Adam telah menerima agihan bersih berjumlah RM4,500. Tolakan cukai daripada agihan pendapatan berjumlah RM1,500. Adam juga menerima pendapatan sewa bersih sebanyak RM60,000.

Pengiraan cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran 2012

		RM
Agihan kasar daripada tabung unit amanah		6,000
Sewa		<u>60,000</u>
Jumlah pendapatan		66,000
Tolak: Pelepasan diri	8,000	
Isteri	<u>3,000</u>	<u>11,000</u>
Pendapatan bercukai		<u>55,000</u>
Cukai atas RM50,000 yang pertama		3,325.00
Cukai atas baki RM5,000 @ 19%		<u>950.00</u>
		4,275.00
Tolak: Cukai dipotong pada peringkat unit amanah [subseksyen 110(9A) ACP 1967]		<u>1,500.00</u>
Cukai kena dibayar		<u>2,775.00</u>

5. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan

Pemegang unit hendaklah melaporkan agihan yang dikenakan cukai daripada unit / amanah harta bersama dengan pendapatan daripada punca pendapatan lain dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan yang berkaitan.

6. Glosari

- 6.1 "Agihan" merujuk kepada agihan pendapatan oleh tabung unit amanah kepada pemegang unitnya.

- 6.2 “Amanah pelaburan harta tanah atau tabung harta tanah” (REIT/PTF) bermaksud skim amanah yang layak sebagai amanah pelaburan harta tanah atau tabung harta tanah oleh Suruhanjaya Sekuriti.
- 6.3 “Dividen” termasuk pendapatan yang diagihkan oleh unit amanah.
- 6.4 “Kelas unit” berhubung amanah unit bermaksud dua atau lebih kelas unit yang mewakili kepentingan yang sama dalam aset dana.
- 6.5 “Pemegang unit ” bermaksud pemegang unit tabung unit amanah.
- 6.6 “Tabung” bermaksud tabung unit amanah atau tabung unit amanah Islam.
- 6.7 “Tabung payung” bermaksud tabung yang mempunyai sekurang-kurangnya dua tabung di bawahnya.
- 6.8 “Tabung unit amanah” bermaksud mana-mana skim unit amanah selain daripada amanah pelaburan harta tanah / tabung amanah harta di mana apa-apa peraturan dibuat untuk tujuan atau mempunyai kesan, memberi kemudahan untuk penyertaan orang sebagai benefisiari di bawah suatu amanah yang menerbitkan keuntungan atau pendapatan daripada pengambil alihan, pemegangan, pengurusan atau pelupusan -
- (a) sekuriti,
 - (b) kontrak hadapan, atau
 - (c) lain-lain harta yang dibenarkan di bawah undang-undang berkaitan atau garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti berkaitan unit amanah, dan
- termasuk tabung di bawah tabung payung.
- 6.9 “Tabung unit amanah Islam atau tabung unit amanah berasaskan Syariah” bermaksud skim unit amanah yang diuruskan dan dikendalikan mengikut prinsip Syariah.
- 6.10 “Undang-Undang Sekuriti” bermaksud Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453], dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
- 6.11 “Unit” berkaitan tabung unit amanah bermaksud pengukuran suatu hak pemegang unit dalam tabung unit amanah.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**